



## **MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021 YB MENTERI KPKT**



Pada 2 Februari 2021, YB Datuk Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2021 bertemakan 'Tahun Pelaksanaan - Cepat dan Responsif' yang diadakan secara maya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menerusi amanat tersebut, pencapaian utama KPKT sepanjang tahun 2020 adalah dalam memperkasa sektor pembinaan projek-projek Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PR1MA dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan baik pulih rumah golongan B40.

Fokus KPCT bermula tahun ini adalah mempersiap dan memacu inisiatif-inisiatif yang boleh menjayakan *Circular Economy* (CE) sepenuhnya. KPCT sebagai teraju CE harus memastikan ekosistem CE perlu digerakkan melibatkan usaha-usaha dari Kementerian-Kementerian, Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, sektor industri, NGO serta orang awam.

Tahun Baharu 2021 adalah sebagai Tahun Pelaksanaan dengan budaya amalan kerja yang memfokuskan untuk menyediakan perkhidmatan dan menghulurkan bantuan kepada rakyat. Di kesempatan ini, YB Datuk Menteri turut mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2021 kepada seluruh warga KPCT.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat